

## [APPROACHES TO ISLAMIC PSYCHOSPIRITUAL THERAPY AMONG FEMALE STUDENTS: A GENERAL REVIEW IN UiTM PAHANG, CAMPUS JENGKA]

### PENDEKATAN TERAPI PSIKOSPIRITUAL ISLAM DI KALANGAN PELAJAR WANITA: SUATU TINJAUAN UMUM DI UiTM PAHANG, KAMPUS JENGKA

SITI ZAFRINA MOHD ZAHARI<sup>1\*</sup>  
 MUHAMMAD MUZAKIR OTHMAN@ SEMAN<sup>1</sup>  
 SITI NORMA AISYAH MALKAN@ MOLKAN<sup>2</sup>  
 NURUL HIDAYAH CHE HASSAN<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Jengka, 26400, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang.

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Raub, 27600, Raub, Pahang

\*Corresponding author: safrina@pahang.uitm.edu.my

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

#### **Abstract**

*Women and scholarly aspects are as closely intertwined as possible in maintaining the harmony of Islamic civilization. However, challenges like physical and spiritual health can interfere with the process of establishing Islamic civilization. This study aims to look at the extent to which the approach to Islamic psychospiritual at the UiTM Pahang Jengka Campus is conducted specifically for female students with spiritual problems. This study also highlights the general helath care process of student on campus before being treated with Islamic psychospiritual therapy. Studies show that the UiTM Pahang Jengka Campus has taken the right initiative in maintaining student engagement on campus. This has led to a more positive change in the holistic life of students.*

**Keywords:** Approach, Islamic psycospritual therapy, Women.

#### **Abstrak**

Wanita dan aspek keilmuan ibarat ikatan yang saling berpadu dalam memastikan keharmonian tamadun Islam. Namun, cabaran seperti masalah kesihatan jasmani dan rohani boleh mengganggu proses pembentukan tamadun Islam itu. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana pendekatan terapi psikospiritual Islam di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang Kampus Jengka yang dilakukan khusus bagi pelajar wanita yang mengalami masalah kerohanian. Kajian ini juga memaparkan proses rawatan kesihatan pelajar secara umum di kampus sebelum dirawat dengan kaedah terapi psikospiritual Islam. Kajian mendapati UiTM Pahang Kampus Jengka telah

mengambil inisiatif yang tepat dalam usaha menjaga kemaslahatan pelajar di kampus. Seterusnya membawa suatu perubahan yang lebih positif dalam kehidupan pelajar secara holistik.

**Kata kunci:** Pendekatan, Terapi Psikospiritual Islam, Wanita.

**Cite as:** Siti Zafran Mohd Zahari, Muhaammad Muzakkir Othamn@ Seman, Siti Norma Aisyah Malkan@ Molkan & Nurul Hidayah Che Hassan. 2020. Pendekatan Terapi Psikospiritual Islam di Kalangan Pelajar Wanita: Satu Tinjauan di UiTM Pahang, Kampus Jengka. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(2): 216-228.

## PENGENALAN

Persoalan berkaitan wanita banyak dibincangkan oleh para ilmuan Barat merangkumi kesemua aspek kehidupan seperti politik, ekonomi, sosial, undang-undang, sukan, kesihatan dan keilmuan. Pelbagai perbincangan dan perbahasan mengenai wanita timbul berikutnya berlakunya emansipasi wanita di Barat kerana wujud ketidakadilan dalam susun atur masyarakat serta stratifikasi dan pandangan serong kaum lelaki Barat terhadap mereka (Wan Abdullah, Nordin & Ismail, 2002). Dengan demikian, timbulah pandangan masyarakat terhadap wanita dari masa ke semasa dan dikategorikan dalam tiga bentuk iaitu penghinaan kepada wanita, pemujaan terhadap wanita secara berlebih-lebihan serta penentuan hak kesamarataan dalam pelbagai aspek (Ny. Hadiyah, 1984).

Pada pandangan Islam pula, wanita merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang mempunyai peranan yang pelbagai dan salah satunya adalah untuk menuntut ilmu. Sejarah pembentukan tamadun Islam yang dimulai dengan ayat iqra' iaitu permulaan turunnya wahyu kepada Rasulullah SAW menggambarkan pada dunia bahawa aspek keilmuan sangat dituntut pada umat Islam sama ada lelaki mahupun wanita sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Menuntut ilmu itu menjadi kewajipan pada setiap Muslim."

(Riwayat Ibnu Majah)

Kejadian manusia yang dikurniakan akal fikiran berbanding makhluk lain memberi pengiktirafan yang tertinggi secara tidak langsung sesuai dengan penciptaanNya. Tanpa ilmu, manusia telah mengabaikan amanah yang diberikan Allah SWT sebagai khalifah di muka bumi sepertimana firmanNya yang bermaksud: "Kami telah menawarkan amanah kepada langit, bumi dan gunung-ganang, tetapi semuanya enggan untuk memikul amanah itu dan mereka bimbang tidak mampu melaksanakannya (berat), lalu dipikullah amanah itu oleh manusia.." (al-Ahzab 33:72)

Namun, proses mendapatkan ilmu memerlukan kestabilan dari sudut rohani dan jasmani kerana dua unsur inilah manusia dicipta menurut Islam. Menurut Yusuf al-Qaradhawi, manusia terbentuk daripada dua unsur iaitu unsur bumi dan unsur langit atau unsur tanah (turab atau thin atau hama'masnun) serta unsur roh yang dapat dilihat kejadiannya menerusi penciptaan Adam AS (Qaradhawi, 2015). Oleh yang demikian, soal kerohanian perlu dititikberatkan dalam perkara yang melibatkan keilmuan demi kelangsungan kehidupan makhluk yang digelar manusia.

## **WANITA DAN KEILMUAN DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)**

Keilmuan merupakan suatu proses yang berlaku tanpa mengira usia dan waktu. Selagimana seseorang itu memiliki kebolehan dan kemampuan, selagi itulah peningkatan ilmu itu tidak pernah terhenti. Adapun institut pengajian tinggi (IPT) atau universiti menjadi tumpuan pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi demi mengejar cita-cita dan impian. Wanita juga menyahut cabaran meneruskan pendidikan ke IPT selaras dengan peranannya dalam pembentukan tamadun Islam yang bermula daripada peringkat individu. Mengikut statistik pendidikan tinggi 2017 (mohe, 2017), bilangan kemasukan pelajar wanita ke IPT berjumlah 108 715 orang berbanding 67 056 orang pelajar lelaki. Ini menunjukkan wanita mempunyai cita-cita dan harapan yang tinggi dalam membentuk kehidupan yang lebih positif. Namun, suasana pembelajaran di IPT ternyata amat berbeza jika dibandingkan dengan alam persekolahan. Ini kerana IPT berperanan dalam melahirkan tenaga kerja berpengetahuan disamping dapat memenuhi keperluan pasaran buruh (Mat Lazim, & Yusof, 2012). Secara tidak langsung, IPT mempunyai persekitaran kendiri dalam mengubah corak kehidupan yang lebih berdaya saing. Kehidupan di IPT mempunyai cabaran yang mampu mengubah kehidupan seseorang kerana pelajar perlu bijak mengurus kehidupan dalam tempoh pengajian yang telah ditetapkan. Terdapat banyak kajian yang dilakukan terhadap pelajar di IPT dalam menangani cabaran kehidupan seperti tahap kehidupan dan tahap daya saing semasa berada di IPT serta kebolehpasaran graduan setelah tamat graduasi. Persoalan mengenai kesihatan mental merupakan isu yang kerap diketengahkan dalam kajian berkaitan kehidupan pelajar IPT seperti masalah kemurungan, kebimbangan yang melampau dan stress.

Dapatkan kajian menunjukkan pelajar wanita yang berusia 20 tahun ke atas di sekitar IPT Lembah Klang mengalami masalah stress (Shamsuddin K. et al. 2013) dan kemurungan jika dibandingkan dengan pelajar lelaki (Md Ashraful, Low, Tong, Yuen & Adina, 2018). Kajian daripada Jia dan Loo, (2018) menunjukkan bahawa pelajar wanita dari sarjana muda (undergraduate) adalah dua kali ganda mengalami stress berbanding pelajar lelaki di IPT secara umumnya. Manakala kajian mengenai kesejahteraan psikologi menunjukkan pelajar lelaki lebih mendahului berbanding pelajar wanita (Nor Ezdianie, 2016) dalam menghadapi suasana kehidupan di IPT. Namun, kajian mengenai tahap daya saing pelajar di IPT berada pada tahap sederhana bagi lelaki dan wanita (Norasmah, Khairul Khairiyah & Hariyaty, 2015). Menerusi kajian yang dilakukan terhadap pelajar UUM pula, didapati pelajar wanita lebih menghadapi tekanan akademik seperti terlalu banyak tugas, peperiksaan dan aktiviti projek semasa dalam proses pengajian (Ahmad Marzuki et al. 2006).

Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan tidak menggambarkan situasi secara keseluruhan kerana beberapa faktor perlu diambil kira seperti bilangan pelajar wanita lebih mendominasi berbanding pelajar lelaki, latarbelakang keluarga, kewangan dan hal-hal yang lain.

## **PROSES RAWATAN KESIHATAN PELAJAR UITM PAHANG KAMPUS JENGKA**

Kesihatan merupakan aspek penting yang sangat dituntut dalam Islam. Menurut Profesor Osman Bakar, sebagai orang Islam, kesihatan (afiat) ialah perkara berkaitan spiritual, intelektual, psikologikal dan fizikal (Sharif, 2009). Tanpa tahap kesihatan yang baik, seseorang

itu akan mengalami kesukaran dalam menjalani kehidupan yang kian mencabar. Adapun aspek kesihatan ini melibatkan semua lapisan masyarakat termasuklah golongan pelajar yang sedang dalam proses pengajian dan keilmuan.

UiTM Pahang Kampus Jengka merupakan salah satu cawangan UiTM yang menyediakan pelbagai sarana kepada staf dan pelajar. Kesejahteraan warga kampus merupakan elemen utama dalam memastikan UiTM menjadi universiti yang unggul berteraskan kesarjanaan dan kecermelangan akademik selari dengan visi penubuhan UiTM. Oleh itu, perbincangan ini hanya menumpukan beberapa unit yang berkaitan dengan skop kajian iaitu :

- Unit Kesihatan UiTM Pahang Kampus Jengka
- Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Pahang Kampus Jengka
- Unit Hal Ehwal Islam UiTM Pahang Kampus Jengka

### **Unit Kesihatan UiTM Pahang Kampus Jengka**

UiTM Pahang Kampus Jengka merupakan salah satu daripada cawangan UiTM yang menyediakan Unit Kesihatan bagi staf dan juga pelajar tanpa dikenakan bayaran. Sejarah penubuhan Unit Kesihatan UiTM Pahang Kampus Jengka bermula pada bulan September 1993 yang dikendalikan oleh seorang Pembantu Perubatan (kontrak) dan seorang Penolong Jururawat. Kini jumlah kakitangan telah bertambah menjadi 10 orang iaitu seorang Pegawai Perubatan, 2 orang Penolong Pegawai Perubatan, 2 orang Jururawat, seorang Penolong Pegawai Farmasi, seorang Jururawat Masyarakat, seorang Pembantu Perawatan Kesihatan, seorang Pembantu Tadbir dan seorang Pemandu Ambulan dengan jumlah pelajar melebihi 5000 orang. Unit Kesihatan berperanan dalam pelbagai perkara seperti berkaitan perubatan dan kesihatan pelajar, khidmat nasihat perubatan, promosi kesihatan dan pengurusan unit. Unit ini berperanan dalam memberikan rawatan kepada pesakit pada waktu tersebut sahaja. Proses rawatan akan dimulai dengan pemeriksaan kesihatan seperti saringan dan didiagnosis setelah pendaftaran dilakukan. Pelajar yang hadir untuk mendapatkan rawatan akan diberi ubat-ubatan mengikut deskripsi yang telah ditentukan oleh pegawai perubatan di kaunter pengambilan ubat. Sekiranya tahap kesihatan pelajar diakui memerlukan rawatan lanjut, maka unit kesihatan akan mendapatkan temujanji dengan pihak hospital yang berdekatan untuk tindakan seterusnya.

Mengenai isu kesihatan yang melibatkan ‘ketidakstabilan’ yang ‘sukar’ didiagnosis dengan rawatan di unit kesihatan, terdapat dua keadaan yang berlaku iaitu:

1. pelajar dirujuk pada pakar psiktri di hospital yang berhampiran
2. pelajar dirujuk pada panel perawat Islam yang dilantik

Bagi kes yang dirujuk pada pakar psiktri, pegawai perubatan hanya akan memberi keutamaan mengikut keadaan pelajar pada ketika itu. Tiada ubat yang diberikan pada pelajar kerana ianya hanya dikeluarkan oleh pihak hospital atau pakar perubatan sementelahan tugas unit kesihatan hanya mengendalikan rawatan biasa sahaja.

Manakala bagi kes yang dirujuk pada panel perawat Islam pula, pegawai perubatan akan memberikan pilihan pada pelajar untuk bertemu dengan panel perawat Islam. Ada ketikanya pelajar telah berada di dalam keadaan stabil semasa dibawa ke unit kesihatan. Terdapat juga keadaan apabila pelajar diminta oleh panel perawat Islam

bagi merujuk pada unit kesihatan untuk pemeriksaan selanjutnya. Keadaan ini berlaku tidak mengira waktu, namun kebiasaananya adalah pada tempoh minggu destini siswa (MDS) iaitu minggu pertama penyesuaian diri bagi pelajar yang baru mendaftar kemasukan ke kampus.

Namun, sekiranya ciri-ciri ketidakstabilan ini berlaku diluar waktu pejabat, penolong pegawai perubatan yang bertugas akan dipanggil oleh pihak SRK (Staf Residen Kolej) kerana kejadian biasanya melibatkan pada waktu petang atau malam.

## **UNIT KERJAYA DAN KAUNSELING UITM PAHANG KAMPUS JENGKA**

Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) UiTM Pahang bermula di Teluk Sisek Kuantan, Pahang pada tahun 1985. Seterusnya pada tahun 1993, UKK seiring dengan perpindahan UiTM Pahang turut berpindah ke Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang Darul Makmur. Pada awalnya, UKK bersama dengan unit-unit lain di Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) kecuali unit kolej dan unit kesihatan telah memberikan perkhidmatan di tingkat 4 bangunan Pentadbiran. Namun, pada tahun 2012, demi kepentingan pengurusan universiti, UKK telah berpindah ke bangunan Al-Biruni. Untuk memantapkan perkhidmatan yang diberikan, akhirnya sekali lagi UKK telah berpindah ke blok komunel Kolej Mat Kilau 2 pada 28 Mac 2019.

Adapun objektif UKK ialah membantu para pelajar dalam pertumbuhan dan perkembangan serta menilai kebolehan dan kecenderungan mereka bagi membolehkan mereka menjadi pelajar yang bertanggungjawab, cerdas, matang dan stabil dalam menghadapi cabaran kehidupan seharian. Mereka akan dibantu dalam menyelesaikan persoalan-persoalan yang dihadapi dari segi pendidikan, peribadi, sosial, kekeluargaan, kewangan dan hubungan interpersonal. Namun, proses bimbingan kaunseling akan lebih terlaksana pada individu yang berada dalam keadaan mental yang sihat. Bagi menguji tahap keadaan pelajar, ujian stress akan dilakukan. Terdapat dua keadaan yang berlaku iaitu:

- a. pelajar mengalami penyakit mental
- b. pelajar mengalami masalah kesihatan mental

Bagi pelajar yang mengalami tanda-tanda penyakit mental, mereka akan dirujuk pada unit kesihatan sebelum dibawa ke hospital untuk tindakan lanjut. Penyakit mental perlu dirawat dengan diberi ubat-ubatan setelah disahkan oleh doktor pakar seperti berlakunya keabnormalan pada otak pesakit. Manakala bagi pelajar yang mengalami masalah kesihatan mental, mereka boleh dirawat dan dibimbing oleh unit bimbingan dan kaunseling. Ini kerana masalah kesihatan mental bukanlah berpunca daripada faktor fizikal sebaliknya berlaku kerana keadaan sekeliling seperti berada keseorangan dalam konteks sosial.

Isu berkaitan mental merupakan salah satu daripada perkara yang dititikberatkan oleh Unit Kerjaya dan Kaunseling. Oleh yang demikian, terdapat aktiviti ceramah berkaitan kesihatan dan penyakit mental dilakukan dan ternyata mendapat sambutan yang positif. Ini kerana pelajar memaklumkan mereka tidak mengetahui tentang hal-hal berkaitan isu mental seperti mendengar suara bisikan, mengalami halusinasi dan lain-lain. Namun, sekiranya pelajar terbabit tidak mempunyai kaitan dengan dua keadaan di atas, maka proses seterusnya akan diserakan kepada panel perawat Islam.

## **Unit Hal Ehwal Islam UiTM Pahang Kampus Jengka**

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) atau dahulunya ACIS di bawah penubuhannya dikenali dengan nama Pendidikan Islam dan mula diperkenalkan di UiTM pada tahun 1975 di bawah Unit Pendidikan Islam. Sebagai lambang pengiktirafan terhadap kepentingan penubuhannya, unit tersebut dinaik taraf sebagai pusat pengajian dan dikenali sebagai Pusat Pendidikan Islam pada 1 April 1983 dan pada 1998, sekali lagi ia diubah menjadi Pusat Khidmat Islam Bersepadu (PKIB).

Pada 13 Januari 2004, Dato' Seri Profesor Dr. Ibrahim Abu Shah yang merupakan Naib Canselor pada ketika itu mengumumkan nama baru iaitu Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam atau 'Centre for Islam Thought and Understanding' (CITU). CITU adalah gabungan Pusat Pendidikan Islam (PPI) dan Pusat Khidmat Nasihat Agama (bukan akademik) iaitu semua aktiviti keislaman universiti ditadbir di dalam pengurusan yang sama. Namun pada 21 Mei 2013, CITU telah diubah kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari atau Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS).

Seterusnya UHEI mengalami penstruktur semula apabila berlaku pemisahan di antara ACIS dan Hal Ehwal Islam pada 18 Julai 2018. Keadaan ini menjadikan UHEI berada di dalam tadbir urus yang baharu iaitu di bawah Pejabat Rektor dan segala aktiviti dan program kerohanian hendaklah melalui UHEI. Dengan demikian, fokus utama UHEI adalah pada pembangunan pelajar, manakala ACIS pula terarah kepada pembangunan akademik.

UHEI berperanan dalam aktiviti bimbingan dan pendidikan selain daripada pengurusan dan imarah masjid serta dakwah dan khidmat komuniti. Oleh itu, di bawah seksyen dalam bimbingan dan pendidikan, terdapat beberapa program yang wujud seperti pembangunan dan pengukuhan diri, program pencegahan, program pemulihan dan sebagainya. Sebagai contoh, apabila terdapat kes pelajar yang didakwa atas kesalahan tatatertib, maka UHEI berperanan dalam memberi bimbingan, nasihat serta panduan dalam menangani masalah yang dihadapi.

Sebagai lambang pengiktirafan terhadap kepentingan penubuhannya, unit tersebut dinaik taraf sebagai pusat pengajian dan dikenali sebagai Pusat Pendidikan Islam pada 1 April 1983 dan pada 1998, sekali lagi ia diubah menjadi Pusat Khidmat Islam Bersepadu (PKIB).

## **PENDEKATAN TERAPI PSIKOSPIRITUAL ISLAM UITM PAHANG, KAMPUS JENGKA**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, pendekatan bermaksud perihal sama ada perbuatan atau sebagainya dalam mendekati atau mendekatkan dan juga sebagai kaedah iaitu cara dan langkah-langkah yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas (mengatasi masalah dan sebagainya). Terapi pula bermaksud sesuatu penyakit fizikal atau mental secara proses pemulihan tanpa penggunaan ubat atau pembedahan (prpm, 2017). Psikospiritual pula merupakan gabungan perkataan psikologi dan spiritual. Psikologi yang juga disebut sebagai ilmu jiwa berasal daripada perkataan bahasa Inggeris ialah psychology. Perkataan psychology berasal dari bahasa Greek (Yunani) iaitu psyche bermaksud jiwa dan logos bererti ilmu (Syah, 2015). Manakala spiritual yang berasal dari perkataan bahasa Latin, spiritus iaitu spirit bermaksud nafas (breath) (Dewi Ainul Mardliyah, 2016).

Adapun Psikospiritual Islam pula ialah satu kaedah perawatan kejiwaan dan kerohanian yang berteraskan kepada sumber-sumber keTuhanan dan amalan-amalan Islam yang bersumberkan al-Quran, al-sunnah dan amalan para salafus saleh yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah (Mohd Jailani & Osman, 2015). Psikospiritual Islam juga boleh difahami sebagai konsep dan kaedah perawatan penyakit jiwa, spiritual, mental, emosi mahupun perilaku moral (Che Zarrina, 2019). Menurut Siti Norlina (2018), istilah psikoterapi juga merupakan istilah lain bagi psikospiritual kerana perkataan tersebut melibatkan pemantapan iman dan pembersihan jiwa (tazkiyyah al-nafs). Di dalam bidang kerohanian Islam, tazkiyah al-nafs ini merujuk kepada suatu usaha gigih untuk membersihkan hakikat atau zat sejati diri manusia dari pelbagai sifat yang rendah dan hina untuk dihiaskan zat sejati diri tersebut dengan pelbagai sifat yang mulia dan terpuji (Stapa, 2012).

Mengenai masalah kerohanian yang dialami oleh pelajar wanita UiTM Pahang Kampus Jengka, terdapat dua kategori yang berlaku iaitu :

1. pelajar tersebut mengadu tidak berasa selesa dengan diri sendiri
2. pelajar tersebut sedang mengalami keadaan yang tidak stabil seperti dalam keadaan meronta-ronta (samada kecelaruan emosi dan hysteria)

Menyedari hal ini, Dr Fauzi bin Azmi selaku Timbalan Rektor HEP telah berbincang dengan pihak pengurusan UiTM Pahang sehingga berjaya melantik dua orang pensyarah sebagai panel perawat Islam UiTM yang merupakan pengamal perubatan Islam dari Darussyifa' dan Darussalam. Kedua-dua perawat tersebut telah dilantik secara rasmi oleh pihak UiTM Pahang selama 1 tahun bermula 1 Oktober 2018 hingga 30 September 2019. Lantikan ini dilakukan oleh pihak UiTM Pahang Kampus Jengka agar urusan pembayaran lebih jelas dan tiada pihak yang sewenang-wenangnya boleh merawat pelajar sekiranya tiada pentaulahan daripada pihak perubatan Islam. Sejumlah peruntukan telah dikhurasukan bagi menangani masalah kerohanian selain daripada panel perawat yang membayar dan juga tindakan ‘memagar’ kawasan UiTM pada setiap tahun.

Pendekatan Terapi Psikospiritual Islam yang dilakukan kepada pelajar yang terlibat adalah melalui :

- a. sesi rawatan Islam
- b. sesi bimbingan
- c. sesi pemantauan

### **Sesi Rawatan Islam**

Proses rawatan bermula apabila pelajar terbabit atau rakan-rakan pelajar yang terlibat menghubungi SRK yang bertugas mengikut jadual yang telah ditetapkan. Namun, sekiranya kejadian berlaku ketika waktu pejabat, mereka akan menghubungi panel perawat berkenaan untuk mendapatkan temujanji mengikut masa terluang yang ada. Pihak pengurusan kolej telah pun membuat hebahan mengenai bantuan berkaitan rawatan spiritual dengan menyenaraikan nombor perawat Islam yang boleh dihubungi. Setelah temujanji dilakukan, maklumat pelajar akan diambil untuk tujuan simpanan data dan pembayaran kepada perawat yang melakukan

rawatan. Pelajar tersebut akan ditemani oleh seorang rakan dan dibawa ke bilik rawatan (bilik gerakan) yang dikhaskan untuk mereka dan seterusnya proses rawatan akan bermula. Namun, sekiranya keadaan menjadi tidak terkawal, maka rawatan akan dilakukan di bilik pelajar itu sendiri. Terdapat juga situasi yang berlaku semasa di dalam perjalanan pulang ke kolej setelah tamat latihan kokurikulum dan akhirnya di bawa ke Pusat Islam iaitu Uwais al-Qarni.

Berikut merupakan tatacara rawatan yang dilakukan:

1. pelajar akan diminta untuk menyediakan beberapa bahan bagi proses rawatan atau ruqyah tersebut. Antara bahan yang paling asas adalah air mineral (1.5 liter) sebanyak 2 botol dan limau nipis sebanyak 21 biji.
2. pelajar diingatkan supaya memakai pakaian yang bersesuaian seperti memakai stokin kaki dan membawa rakan-rakan lain sebagai peneman merangkap pembantu semasa proses rawatan berlangsung. Ini bagi mengelakkan timbulnya fitnah dan langkah persediaan seandainya berlaku kes-kes pesakit yang agresif.
3. ketika sesi rawatan atau ruqyah dijalankan, pelajar dikehendaki untuk duduk serta meluruskan kaki sambil berzikir secara perlahan-lahan. Perawat akan mula membacakan ayat-ayat ruqyah sekitar 20-25 minit yang mana bergantung kepada tahap serta keadaan pelajar tersebut.

Antara simptom-simptom seseorang itu mengalami gangguan ketika dibacakan ayat-ayat ruqyah adalah menangis dan mengalirkan air mata secara spontan, muntah air, terasa menyucuk di bahagian tubuh terutamanya bahagian sendi, bergetar pada bahagian tubuh, pengsan ataupun bertindak agresif seperti cuba melawan, menendang dan sebagainya. Terkadang ada juga kes pelajar yang tidak menunjukkan sebarang respon ketika sesi ruqyah dijalankan, tetapi ianya mula menunjukkan simptom gangguan setelah pelajar tersebut minum dan mandi dengan menggunakan air ruqyah yang diperah dengan 3 biji limau nipis tersebut.

Jika dilihat dari sudut mahupun proses rawatan ataupun ruqyah, pelajar ada mengalami tanda ataupun simptom-simptom awal gangguan seperti kerap mimpi yang menakutkan, sering terjaga di tengah malam dalam keadaan cemas, nampak kelibat dan sebagainya. Seringkali pelajar yang mengalami simptom begini yang akan mendapatkan rawatan yang dijalankan di bilik gerakan Kolej Tok Gajah. Proses rawatan diikuti dengan meminum air ruqyah selama seminggu khususnya ketika hampir tidur dan di waktu subuh. Manakala air dan limau nipis sebanyak 21 biji tersebut digunakan untuk proses mandi selama seminggu. Jika dalam tempoh seminggu pesakit tersebut minum dan menggunakannya untuk mandi serta tidak mengalami apa-apa tanda gangguan, kebiasaanannya gangguan tersebut sudah tidak ada dengan izin Allah SWT. Walaupun begitu, pelajar juga dinasihatkan untuk mendapat rawatan susulan dengan merujuk pihak doktor, kaunselor dan sebagainya.

## Sesi Bimbingan

Di samping rawatan yang telah dilakukan, perawat akan menasihati pelajar agar sentiasa menjaga serta melaksanakan ibadah-ibadah wajib seperti solat dan menutup aurat. Selain itu, pelajar juga disarankan sentiasa melazimi membaca al Quran, mengamal zikir-zikir khususnya

Mathurat, Manzil dan lain-lain lagi. Panduan dan nasihat ini akan sentiasa dilazimi oleh perawat agar pelajar tidak leka dan lalai serta berharap dapat memperbaiki kehidupan yang lebih positif. Pelajar serta pesakit sering dinasihati bahawa kesembuhan adalah hak milik mutlak Allah SWT, manakala perawat hanyalah sebagai pembantu sahaja. Selebihnya bergantung kepada pesakit atau pelajar tersebut.

Antara ayat yang seringkali diucapkan oleh perawat dalam menasihati pelajar yang terlibat adalah “70% kesembuhan adalah datang daripada kesungguhan pesakit dalam beribadah, berdoa sepenuhnya, bertawakkal serta pergantungan kepada Allah SWT dan selebihnya 30% adalah bantuan, ikhtiar serta ruqyah daripada perawat”.


#### Sesi Pemantauan

Pemantauan yang dilakukan adalah melalui pertanyaan khabar atau perkembangan semasa tahap kesihatan pelajar sama ada melalui individu tersebut atau ahli keluarga. Ahli keluarga pelajar tersebut akan memaklumkan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang berlaku sebagai contoh berkaitan rawatan susulan daripada pihak hospital. Terdapat juga kes yang berulang mendapatkan rawatan, itupun sekitar seorang pelajar sahaja. Namun, sekiranya keadaan pelajar masih dalam keadaan yang tidak stabil, maka pihak pengurusan kolej akan menghubungi penjaga pelajar untuk mengambil tindakan yang selanjutnya. Tindakan ini diambil atas beberapa faktor seperti isu keselamatan pelajar, keberadaan di kolej, kesinambungan proses pembelajaran yang lebih terkawal dan sebagainya.

Berdasarkan pengalaman merawat pelajar-pelajar yang mengalami gangguan mistik mahupun makhluk halus ini, perawat mendapati kebanyakannya daripada pelajar tersebut telah pun mempunyai sejarah gangguan sebelum menyambung pengajian ke UiTM Cawangan Pahang ini. Penemuan maklumat ini dipastikan setelah berhubung dan diberitahu oleh keluarga pelajar tersebut. Namun begitu, tidak dinafikan terdapat juga kes-kes yang melibatkan gangguan yang berpunca daripada faktor persekitaran kampus khususnya pelajar yang terlibat dalam aktiviti perkhemahan dalam hutan dan sebagainya.

Terdapat juga situasi dimana perawat Islam tidak dapat hadir disebabkan pelbagai faktor seperti keberadaan dan mempunyai urusan lain. Maka pelajar tersebut perlu ditenangkan terlebih dahulu oleh rakan-rakan sebilik samada melalui pembacaan surah Yasin di dalam bilik masing-masing atau memanggil staf yang boleh membantu untuk bacaaan zikir sebelum menunggu ketibaan pada keesokan hari. Kebiasaannya, kondisi pelajar tersebut sudah agak baik sebelum bertemu dengan perawat Islam pada waktu tersebut.

Berdasarkan rekod pelajar yang membuat rawatan, bermula September 2018- Januari 2019 terdapat 16 orang pelajar perempuan yang mendapatkan rawatan perubatan Islam. Manakala bagi sesi Mac 2019 sehingga Julai 2019 pula terdapat 12 orang pelajar perempuan. Rekod catatan tersebut merupakan 40% sahaja daripada keseluruhan pelajar yang membuat rawatan kerana kerana selebihnya tidak dapat dicatat secara khusus akibat situasi yang kadangkala berlaku secara di luar kawalan. Secara umumnya, pelajar wanita yang banyak mendapatkan rawatan yang berkaitan gangguan makhluk halus ini berbanding pelajar lelaki. Namun begitu, kes-kes gangguan makhluk halus yang melibatkan pelajar lelaki adalah amat sedikit jika dibandingkan dengan pelajar perempuan. Rajah 1 menunjukkan tatacara proses pelajar mendapatkan rawatan di UiTM Pahang Kampus Jengka:



Rajah 1: Carta Alir Pelajar Mendapatkan Rawatan di UiTM Pahang Kampus Jengka

Rajah 1 menunjukkan proses pelajar mendapatkan rawatan apabila mengalami masalah kesihatan. Sekiranya berlaku dalam masa waktu pejabat, pelajar boleh merujuk kepada Unit Kesihatan atau Unit Kerjaya dan Kaunseling. Namun, sekiranya keadaan tersebut berlaku pada waktu petang atau malam, SRK (Staf Residen Kolej) yang bertugas akan membantu pelajar untuk mendapatkan rawatan daripada perawat Islam. Adapun Unit Hal Ehwal Islam pula bertindak sebagai pembimbing dan penasihat dalam perkara-perkara yang melibatkan salah laku pelajar. Peranan perawat Islam yang dilantik pula adalah sebagai rawatan terakhir sekiranya pelajar tidak dikategorikan dalam masalah fizikal atau mental. Keadaan ini berlaku apabila pihak Unit Kesihatan dan Unit Kaunseling dan Kerjaya telah mengesahkan bahawa masalah kesihatan yang dihadapi tidak berkaitan dengan dua aspek tersebut. Oleh itu, mereka dinasihatkan untuk merujuk kepada perawat Islam. Terdapat juga keadaan di mana perawat Islam meminta pelajar untuk merujuk kepada Unit Kesihatan untuk mendapatkan penjelasan daripada aspek perubatan secara umum.

## CADANGAN DAN SARANAN

Masalah kesihatan pelajar di IPT tidak seharusnya dipandang remeh apatah lagi sekiranya terdapat hal-hal yang sukar dikenalpasti. Ini kerana masalah yang dihadapi berkait rapat dengan segala aspek seperti mental, fizikal dan spiritual. Pelbagai pihak perlu memainkan peranan dalam usaha membantu pelajar dalam menghadapi proses pembelajaran dengan lebih sejahtera. Pihak kerajaan seperti kementerian kesihatan dan juga kementerian pendidikan tinggi diseru agar lebih peka dengan masalah yang melibatkan pelajar IPT terutamanya dalam aspek kerohanian. Selain itu, unit kurikulum seperti PBSM juga dapat membantu dalam menyalurkan maklumat berkaitan aspek penjagaan kesihatan di kalangan pelajar IPT disamping peranan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di peringkat yang lebih tinggi. Seterusnya Unit Hal Ehwal Islam juga perlu memperbanyak aktiviti kerohanian seperti mempertingkatkan diskusi atau forum yang berkaitan isu akidah dan ibadah.

## KESIMPULAN

Aspek kerohanian merupakan salah satu daripada perkara yang memerlukan daya usaha individu dalam memperkasakan keupayaan diri menghadapi cabaran hidup. Kekuatan dalaman merupakan asas utama bagi memelihara diri daripada segala bentuk gangguan yang datang dari pelbagai sudut. Sebagai seorang Muslim amat perlu bahkan menjadi kewajipan untuk memperteguhkan serta memperkuatkan akar aqidah serta pasak keimanan kita kepada Allah SWT. Sebagai pelajar, mereka perlu mengikuti aktiviti atau program yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan seperti pengisian keilmuan, bacaan surah al-Quran di bangunan blok kolej serta pengurusan kendiri yang lebih terkawal. Ini kerana beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya masalah kerohanian adalah disebabkan oleh gangguan asal (keturunan) sebelum menyambung ke UiTM, gangguan di kolej kediaman, menyertai aktiviti perkhemahan, lemah fizikal serta kerohanian dan juga masalah peribadi seperti putus cinta dan tekanan dalam menghadapi peperiksaan akhir. Adapun masalah yang berlaku pada pelajar lelaki tidak ketara bilangannya sebagaimana pelajar wanita.

Pendekatan yang dilakukan oleh pihak HEP UiTM Pahang Kampus Jengka amat bertepatan selari dengan misi iaitu untuk membantu melahirkan graduan bumiputera berteraskan kepada keseimbangan dan kesepadan dari segi intelek, jasmani, rohani, emosi dan sosial. Ini kerana kebanyakan pelajar yang terlibat dengan masalah kerohanian dapat mengatasinya walaupun mengambil masa yang tertentu kerana kesan proses rawatan terhadap individu tidak sama antara satu sama lain. Pihak pengurusan kolej juga telah melaksanakan beberapa perkara seperti memberikan panduan berkaitan penjagaan keselamatan diri, penjagaan kebersihan dan juga berkaitan dengan sudut kerohanian. Perkara ini akan diserahkan kepada pihak lain seperti JPK (Jawatankuasa Perwakilan Kolej) atau UHEI kerana ada di antara mereka merupakan ahli SRK. Selain itu, jadual minggu destini siswa (MDS) pada minggu suai kenal pelajar juga telah dikurangkan apabila tiba waktu malam untuk memberi rehat yang secukupnya setelah masing-masing menempuh suasana baru yang letih dan memenatkan.

Oleh itu, pelajar yang sedang mengikuti pengajian di IPT khususnya wanita perlu meningkatkan keupayaan diri agar dapat mengekalkan tahap kehidupan yang lebih holistik. Kehidupan seorang wanita ternyata akan memberi impak kepada pembentukan tamadun

sekiranya aspek kesihatan diabaikan. Sesungguhnya Rasulullah SAW merupakan contoh terbaik dalam segala aspek kesihatan yang tiada tandingnya yang perlu diikuti dan diamalkan untuk kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada warga UiTM Pahang Kampus Jengka yang terlibat dengan sesi temubual sepanjang kajian ini dilakukan iaitu ustaz Muhammad Muzakkir bin Othman (Perawat Islam), ustaz Saiful Johari bin Musahar (Perawat Islam), Dr Fauzi Azmi (Timb. Rektor HEP), Dr Nazila Marjan (Pegawai Perubatan), En Md. Kail@ Ikhwan Md Nor (Pegawai Psikologi Tingkatan Kanan), Pn Anita Abu Kassim (Pegawai Psikologi), En Mohd Ridzuan Mohd Zukri (Penolong Pegawai Perubatan), Pn Wan Norizam Awang (Penyelia Asrama Kanan) dan Pn Wan Rozila Wan Abdullah (Setiausaha SRK).

## RUJUKAN

- Ahmad Marzuki, N et al. (2006). Senario Masalah Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 9 (12), 33-60.
- Al-Quran al-Karim: (*Tafsir Ringkas Ayat-ayat Pilihan*). (2018). Shah Alam: Karya Bestari Sdn Bhd.
- Che Zarrina, S. (2019, April 2). 4 Kaedah Psikospiritual Rawat Rohani. BH Online. Retrieved April 5 2019, from bharian.com.my.
- Dewi Ainul Mardliyah. (2016). Terapi Psikospiritual dalam Kajian Sufistik. *Jurnal Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora*. 15(1). 234-244.
- Jia, Y.F & Loo Y.T. (2018). Prevalence and Determinants of Perceived Stress among Undergraduate Students in a Malaysian University. *Journal of the University of Malaya Medical Centre* 21(1), 1-5.
- Kamus Dewan. (Edisi Ketiga). (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Ashraful, I, W.Y. Low, W.T. Tong, C.C.W. Yuen & Adina, A. (2018). Factors Associated with Depression among University Students in Malaysia: A Cross-sectional Study. 2nd International Meeting of Public Health 2016, 415-427.
- Mat Lazim, N. & Yusof, N. (2012). Universiti, Pembangunan Modal Insan dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi di Malaysia: Suatu Ulasan Kritis. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(2), 308-327.
- Mohd Jailani, M.R. & Osman, A.B. (2015). Integrasi Terapi Psikospiritual Islam dalam Modul Rawatan dan Rehabilitasi Berasaskan TC (Therapeutic Community). International Drug Prevention and Rehabilitation Conference. ACREDA: Universiti Sains Islam Malaysia. mohe.gov.my
- Norasmah, O., Khairul Khairiyah, K., & Haryati A.B. (2015). Tahap daya Saing Pelajar Institusi Tinggi di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40(2), 139-149.
- Nor Ezdianie, O. (2016). Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar IPTS. Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- prpm.dbp.gov.my
- Qaradhawi, Y. (2015). *Fiqh Jihad*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.

- Ny. Hadiyah, S. (1984). Wanita Islam: Keperibadian dan Perjuangannya. Bandung: Penerbit Remadja Karya CV.
- Sharif, S.M. (2009). *Generasi Ulul Albab: Segunung Harapan Seteguh Gagasan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Shamsuddin K.. et al. (2013). Correlates of Depression, Anxiety and Stress among Malaysian University Students. *Asian Journal of Psychiatry* 6(2), 318-323.
- Siti Norlina, M. (2018). *Psikoterapi Islam: Konsep, Kaedah dan Panduan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stapa, M. (2012). Pendekatan Tasawuf dan Tarekat. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syah, M. (2015). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: SAM Synergy Media Sdn Bhd.
- Wan Abdullah, W. A.R.K, Nordin, M.Z.F & Ismail, S. (2002). *Tamadun Islam: Suatu Sorotan*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.